

26 JUL 1997

Mahathir-Masalah

MSC BERJALAN LANCAR, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata projek penting Koridor Raya Multimedia (MSC) tidak menghadapi sebarang masalah besar.

Semua infrastruktur yang diperlukan dalam kawasan seluas 750 km persegi di selatan dari sini itu berjalan seperti yang dirancang, katanya kepada pemberita selepas melancarkan Konsep Cadangan Permohonan Tender (CRFPs) untuk empat daripada tujuh aplikasi perdana MSC di sini.

Keghairahan terhadap MSC membuktikan ia diterima semua, kata Dr Mahathir semasa menyatakan rasa puashatinya terhadap kemajuan projek berharga berbilion ringgit itu.

"Sokongan terhadapnya amat baik dan para peserta banyak memberi sumbangan. Kita boleh melihat banyak kemajuan dalam satu bidang yang sebelum ini tidak ada model untuk dicontohi dan kita merintis dalam hampir semua perkara," katanya.

Ditanya sama ada infrastruktur yang ada mencukupi, Dr Mahathir berkata: "Sememangnya permintaan akan meningkat pada setiap masa.. walaupun ia mencukupi sekarang, ia tidak akan cukup esok. Jadi kita akan menempatkan lebih banyak kemudahan."

Beliau berkata kesemua sembilan syarikat telefon di negara ini berminat membangunkan infrastruktur dalam MSC.

"Masalah di Malaysia ialah kita mempunyai banyak gentian optik yang ditempatkan berbanding yang digunakan kerana banyak syarikat memasang talian telefon mereka sendiri."

Dr Mahathir berkata pada mulanya Malaysia menjangkakan 200 syarikat antarabangsa akan menyertai MSC tetapi jumlah itu kemudian meningkat disebabkan sambutan yang begitu menggalakkan.

Untuk tahun pertama sahaja, 90 permohonan dari syarikat asing dan tempatan telah diterima.

Beliau berkata ruang seluas 15km x 50 km yang disediakan dalam MSC adalah mencukupi dan tidak harus dijadikan isu.

"Sesetengah syarikat tidak memerlukan ruang yang terlalu besar, apa yang diperlukan hanyalah satu tempat untuk beberapa peralatan komunikasi bagi mereka menguruskan perniagaan dengan seluruh dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata bangunan pertama dalam MSC, pejabat CyberView, telahpun siap dalam tempoh hanya 21 hari.

Satu lagi bangunan, Universiti Multimedia, akan disiapkan menjelang tahun depan, katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri mengesahkan bahawa pasport antarabangsa baru Malaysia -- yang akan dilekatkan dengan mikrochip khas sebagai langkah keselamatan -- akan dilancarkan seperti yang dijadualkan bulan depan.

Katanya ciri-ciri baru itu akan membantu membendung pemalsuan pasport Malaysia.

Mengenai politik, Dr Mahathir ditanya sama ada beliau kesal dengan penolakan Perdana Menteri Kedua Kemboja Hun Sen terhadap langkah penyelesaian Asean dalam krisis politik negara itu.

Katanya beliau tidak dapat mengulas perkara itu kerana ia hanya dilaporkan media.

"Beliau tidak berhubung dengan saya...apa yang dikatakannya hanya dilaporkan akhbar, mungkin benar mungkin tidak. Kita biasanya tidak membuat keputusan berdasarkan itu," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau mahu tahu apa yang dimaksudkan Hun Sen sebenarnya dalam kenyataannya dan Malaysia buat masa ini masih berhubungan dengan Kemboja.

-- BERNAMA

HJ RON